PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2015

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global berkembang dengan sederhana

Ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku ketiga 2015, dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi. Meskipun ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun semakin beransur-ansur bertambah baik. Di Asia, pertumbuhan disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan dalam keadaan prestasi eksport yang lemah. Berlatarkan pertumbuhan yang sederhana dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau telah menurunkan kadar dasar mereka. Selain itu, beberapa ekonomi di rantau ini juga mengumumkan langkah-langkah fiskal untuk menyokong aktiviti permintaan dalam negeri.

Ketidaktentuan pasaran kewangan global meningkat pada suku ketiga, terutamanya disebabkan kebimbangan pelabur yang meningkat terhadap prospek pertumbuhan global dan ketidaktentuan sektor kewangan, khususnya di Republik Rakyat China (RR China). Pada awal suku ketiga, pasaran ekuiti global terjejas oleh perkembangan buruk yang berkaitan dengan krisis hutang Greece. Namun, keadaan ini kemudiannya menjadi bertambah baik apabila kelulusan sementara diberikan kepada program menyelamat yang ketiga untuk Greece pada pertengahan bulan Julai. Walau bagaimanapun, keadaan yang bertambah baik ini bertukar arah apabila sentimen pelabur terjejas oleh pelarasan pasaran saham di RR China dan langkah di luar jangkaan oleh People's Bank of China (PBoC) untuk menurunkan kadar pariti pusat Renminbi (RMB). Selaras dengan itu, indeks Ketidaktentuan CBOE (CBOE Volatility, VIX) meningkat ke paras tertingginya dalam tempoh empat tahun pada 24 Ogos, apabila kemerosotan ketara ekuiti China menyebabkan penghindaran risiko oleh pelabur global meningkat. Pada suku ketiga, pasaran ekuiti global turut terjejas oleh pengumuman data ekonomi yang lebih rendah daripada jangkaan di rantau ini, ketidakpastian mengenai kenaikan pertama kadar faedah Federal Reserve (Fed) AS yang berpanjangan sejak bulan Jun 2006 dan harga minyak dunia yang terus merosot.

Ekonomi AS terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga (2.0%; S2 2015: 2.7%). Pada asas tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan menjadi perlahan kepada 1.5% (S2 2015: 3.9%), disebabkan terutamanya oleh paras inventori yang merosot dengan lebih ketara. Pada suku ketiga, pertumbuhan didorong terutamanya oleh penggunaan swasta, apabila isi rumah terus mendapat manfaat daripada harga minyak yang lebih rendah, pasaran pekerja yang terus kukuh dan kedudukan kewangan mereka yang bertambah baik. Pertumbuhan pelaburan tetap adalah mampan apabila pelaburan yang lebih kukuh dalam sektor perkhidmatan mengimbangi pertumbuhan pelaburan perkilangan yang lebih sederhana dan penurunan lebih nyata dalam perbelanjaan modal berkaitan minyak dan gas. Yang penting, perbelanjaan modal dalam subsektor harta tanah disokong oleh peningkatan beransur-ansur dalam permulaan pembinaan rumah dan penjualan rumah yang sedia ada. Inflasi meningkat sedikit pada suku ketiga (0.1%; S2 2015: 0%), disebabkan terutamanya oleh kos perkhidmatan tempat tinggal dan pengangkutan yang lebih tinggi.

Aktiviti ekonomi di kawasan euro terus bertambah baik secara beransur-ansur pada suku ketiga. Keadaan permintaan dalam negeri disokong oleh harga tenaga yang rendah, dasar monetari yang akomodatif dan keadaan pasaran pekerja yang lebih baik dalam beberapa ekonomi utama, termasuk di Jerman. Sentimen perniagaan dan pengguna kekal stabil manakala peningkatan PMI perkilangan (Purchasing Managers' Index) kekal pada paras yang sama (52.2; S2 2015: 52.2) dalam

keadaan tahap kebimbangan yang lebih rendah terhadap krisis hutang Greece pada suku ketiga. Inflasi menurun sedikit pada suku ketiga (0.1%; S2 2015: 0.2%), disebabkan oleh penurunan lebih ketara dalam kos tenaga.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga (2.3%; S2 2015: 2.4%). Sektor perlombongan dan kuari serta perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan, kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan. Inflasi kekal tidak berubah (S2 2015: 0%), memandangkan kenaikan harga pakaian dan kasut diimbangi oleh penurunan kos perumahan dan perbelanjaan isi rumah.

Ekonomi Jepun berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga, disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang rendah ekoran kenaikan cukai penggunaan pada tahun 2014. Jualan runcit merentas pelbagai segmen barangan menjadi sederhana (0.9%; S2 2015: 3.0%), manakala sentimen perniagaan menurun pada suku ketiga, seperti dicerminkan oleh penurunan indeks kaji selidik Tankan bagi pengilang besar (12; S2 2015: 15). Dalam sektor luaran, pertumbuhan eksport menjadi sederhana kepada 3.7% (S2 2015: 6.7%), disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah dari China dan ekonomi Asia yang lain. Inflasi, (tidak termasuk makanan segar) bertukar arah kepada kadar negatif 0.1% (S2 2015: 0.1%), manakala inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) lebih tinggi pada 0.8% (S2 2015: 0.4%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
AS	2.9	2.5	2.9	2.7	2.0[a]
UK	2.9	3.0	2.7	2.4	2.3[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju secara keseluruhannya kekal akomodatif pada suku ketiga memandangkan terdapat kebimbangan yang meningkat terhadap pertumbuhan dan inflasi yang lebih rendah. Kebanyakan bank pusat menegaskan semula komitmen mereka untuk meneruskan keadaan monetari yang akomodatif dengan mengekalkan kadar dasar. Di AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Federal (Federal Open Market Committee, FOMC) mengekalkan Kadar Dana Federal pada bulan September dan Oktober. Pada bulan September, FOMC menyatakan bahawa perkembangan ekonomi dan kewangan global baru-baru ini boleh mengekang aktiviti ekonomi dan menyebabkan prospek bagi inflasi untuk meningkat adalah rendah. Ahli FOMC juga mengurangkan anggaran median mereka bagi Kadar Dana Federal, lantas menunjukkan bahawa kadar faedah akan kembali ke paras yang lebih wajar secara beransur-ansur. European Central Bank (ECB), Bank of Japan (BoJ) dan Bank of England (BoE) juga meneruskan program pembelian aset mereka pada suku ketiga. ECB menegaskan semula hasratnya untuk membeli aset berjumlah EUR60 bilion setiap bulan sehingga akhir bulan September 2016 atau sehingga inflasi jangka sederhana hampir kepada 2%. ECB, bagaimanapun, turut mengumumkan hasratnya untuk mengkaji semula tahap akomodasi dasar monetari pada bulan Disember, khususnya sekiranya risiko pertumbuhan dan inflasi menjadi lebih rendah menjadi kenyataan. BoJ menegaskan semula komitmennya untuk menaikkan asas monetari sebanyak JPY80 trilion setahun, manakala Bank of England (BoE) mengekalkan stok aset yang dibelinya bernilai GBP375 bilion. Sementara itu, Bank of Canada dan Sveriges Riksbank (Bank Nasional Sweden) menurunkan kadar dasar utama masing-masing sebanyak 25 dan 10 mata asas kepada 3.00% dan -0.35% pada bulan Julai. Norges Bank (Norway) juga menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas pada bulan September kepada 0.75%, manakala Reserve Bank of New Zealand mengurangkan kadar dasar utamanya sebanyak 50 mata asas secara kumulatif pada bulan Julai dan September kepada 2.75%.

Di RR China, kadar pertumbuhan menjadi sederhana sedikit kepada 6.9% pada suku ketiga (S2 2015: 7.0%). Dari segi industri,

perkembangan lebih perlahan merentas industri sekunder (perindustrian dan pembinaan) telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam sektor peringkat ketiga (perkhidmatan). Pada suku ketiga, kerajaan China melaksanakan satu siri langkah dasar yang pelbagai, meliputi pelaburan infrastruktur dan pertambahan pemberian pinjaman kepada sektor sasaran untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Selain itu, langkah pelonggaran dasar monetari selanjutnya juga diperkenalkan berikutan kemerosotan ketara dalam pasaran saham. Namun begitu, pertumbuhan terus menghadapi rintangan ekoran kapasiti lebihan dalam industri berat, pasaran harta tanah dan sentimen yang lebih lemah selepas pelarasan dalam pasaran ekuiti China. Inflasi meningkat kepada 1.7% (S2 2015: 1.4%) berikutan kenaikan harga subsektor makanan, perumahan serta minuman beralkohol dan tembakau.

Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang dengan disokong oleh aktiviti ekonomi dalam negeri yang bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi Korea meningkat pada suku ketiga (2.6%; S2 2015: 2.2%), disokong oleh pelaburan dan penggunaan swasta yang meningkat semula selepas merebaknya wabak MERS. Namun begitu, eksport bersih merupakan penyebab utama kelembapan pertumbuhan pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam ekonomi Indonesia mampan pada 4.7% (S2 2015: 4.7%), apabila permintaan dalam negeri yang bertambah baik mengimbangi permintaan luar negeri yang lebih lemah. Sebaliknya, ekonomi China Taipei menguncup 1.0% (S2 2015: +0.5%), disebabkan oleh eksport yang lebih lemah dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang sederhana. Pertumbuhan ekonomi Singapura menurun kepada 1.4% pada suku ketiga (S2 2015: 2.0%), disebabkan terutamanya oleh penguncupan lebih besar dalam sektor perkilangan. Ini disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran elektronik, bioperubatan dan kejuruteraan pengangkutan. Pada suku ketiga, sektor perkhidmatan dan pembinaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan.

Tekanan inflasi kekal rendah dalam kebanyakan ekonomi serantau pada suku ketiga ekoran harga tenaga yang rendah. Thailand, Singapura dan China Taipei khususnya kekal dalam keadaan deflasi pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, inflasi di Indonesia kekal tinggi disebabkan terutamanya oleh harga bahan api yang lebih tinggi berikutan pengurangan subsidi bahan api oleh kerajaan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Singapura	2.8	2.1	2.6[d]	2.0[d]	1.4[a]
RR China	7.2	7.2	7.0	7.0	6.9
Korea	3.3	2.7	2.5	2.2[p]	2.6[a]
China Taipei	4.3	3.5	3.8[d]	0.5[p]	-1.0[a]
Indonesia	4.9	5.0	4.7	4.7	4.7

[a] Anggaran awal
[d] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dalam persekitaran ini, dasar monetari kekal akomodatif di rantau ini, dengan beberapa bank pusat menurunkan kadar dasar utama mereka pada suku ketiga. Reserve Bank of India (RBI) menurunkan kadar repo dasarnya sebanyak 50 mata asas kepada 6.75% untuk menyokong aktiviti pelaburan dalam negeri. Central Bank of the Republic of China (CBC) juga mengurangkan kadar diskaunnya sebanyak 12.5 mata asas kepada 1.75%, dalam keadaan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih perlahan dan eksport yang lembap. Sementara itu, pada bulan Ogos dan Oktober, People's Bank of China (PBoC) mengurangkan kadar tanda aras pemberian pinjaman satu tahunnya sebanyak 50 mata asas kepada 4.35% (kadar dahulu: 4.85%) dan menurunkan nisbah keperluan rizab institusi kewangan yang mempunyai depositori yang besar sebanyak 100 mata asas kepada 17.5%. PBoC juga memansuhkan paras siling kadar deposit lantas menambah baik perumusan kadar faedah berorientasikan pasaran dalam ekonomi China. Pada bulan Oktober, Monetary Authority of Singapore (MAS) turut mengecilkan sedikit julat dasar kadar pertukaran efektif nominal dolar Singapura (Singapore dollar nominal effective exchange rate, S$NEER) berikutan prospek

pertumbuhan yang lebih lemah daripada jangkaan.

Harga minyak mentah Brent merosot dengan ketara kepada purata USD51 setong pada suku ketiga (S2 2015: USD63 setong), disebabkan terutamanya oleh jangkaan berlakunya penawaran berlebihan yang lebih buruk dalam pasaran minyak untuk beberapa suku tahunan akan datang berikutan perjanjian nuklear Iran yang berjaya dimeterai. Keadaan ini diburukkan lagi oleh penjualan dalam pasaran ekuiti China pada bulan Julai, yang menyebabkan penghindaran risiko yang lebih ketara dalam pasaran minyak hadapan. Sentimen terus lembap sepanjang suku ketiga apabila harga minyak mentah mencecah paras terendahnya dalam tempoh 6 tahun iaitu USD42 setong pada 24 Ogos 2015. Namun begitu, harga kembali pulih menjelang akhir suku ketiga, apabila keputusan FOMC untuk mengekalkan kadar faedahnya merangsang sentimen pelabur. Hasilnya, harga minyak mengakhiri suku tersebut pada paras USD48 setong pada 30 September 2015.

Euro dan yen menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga. Prestasi euro disokong oleh pengumuman data ekonomi yang lebih baik dan sentimen pelabur yang meningkat berikutan kelulusan yang diberikan kepada program menyelamat yang ketiga untuk Greece. Yen Jepun menjadi lebih kukuh hasil daripada aliran tempat selamat (safe haven) ekoran penghindaran risiko oleh pelabur yang bertambah nyata pada suku ketiga. Namun begitu, di negara Asia yang lain, kebanyakan mata wang menyusut nilai berbanding dengan dolar AS apabila kebimbangan mengenai pelarasan pasaran saham serta aktiviti ekonomi yang makin sederhana di RR China menjejaskan sentimen pelabur di rantau ini. Selain itu, mata wang serantau terus dipengaruhi oleh tahap ketidakpastian yang tinggi terhadap pengaturan masa kenaikan kadar faedah yang pertama oleh Fed.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan global dijangka kekal sederhana. Meskipun ekonomi maju utama terus bertambah baik, kadar pemulihan dijangka lebih sederhana. Di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan masih tinggi ekoran momentum pertumbuhan yang semakin sederhana dalam beberapa ekonomi utama, ketidakpastian berkaitan harga tenaga dan komoditi serta kemungkinan keadaan pasaran tidak teratur yang berpunca daripada peralihan dasar dalam ekonomi utama.